

01/11/2002

Hanya enam bulan untuk tubuh IFSB

Sheikh Muttaqun

PENDUDUK beragama Islam di Malaysia hanya mewakili peratusan kecil bilangan umat Islam seluruh dunia.

Menurut laporan terbitan US Center for World Population, jumlah umat Islam di seluruh dunia ketika ini ialah kira-kira 1.44 bilion daripada kira-kira enam bilion penduduk dunia.

Jika dilihat daripada jumlah keseluruhan umat Islam itu, rakyat negara ini yang beragama Islam hanya mewakili kira-kira satu peratus daripada umat Islam dunia.

Peratusan itu jauh lebih kecil berbanding Indonesia, Pakistan, Bangladesh dan India yang mempunyai lebih 40 peratus umat Islam dunia.

Namun, walaupun Malaysia adalah sebuah negara Islam yang kecil, keupayaan anak wataninya dalam melaksanakan tanggungjawab menegakkan syiar Islam bagi kepentingan seluruh umat Islam dunia sudah terbukti.

Antara sumbangan besar Malaysia dalam menegakkan syiar Islam pada peringkat dunia ialah penubuhan dua organisasi kewangan yang sangat penting dalam pembangunan ekonomi negara Islam serta memajukan sistem perbankan dan kewangan berasaskan syariah.

Organisasi itu ialah Bank Pembangunan Islam (IDB) yang ditubuhkan pada awal 70-an dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB) yang akan ditubuhkan secara rasmi Ahad ini.

Bagi IFSB, Malaysia sudah dipilih sebagai ibu pejabat sekretariatnya.

Pemilihan itu dibuat pada mesyuarat Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) di Washington pada penghujung April lalu yang dihadiri gabenor bank pusat negara anggota Islam, wakil IMF, wakil Bank Pembangunan Islam serta wakil Pertubuhan Perakaunan dan Audit bagi Institusi Kewangan Islam (AAOIFI).

Wujud banyak persamaan daripada aspek penubuhan kedua-dua organisasi itu.

Idea asal penubuhan kedua-duanya bukan daripada pemikir negara ini tetapi yang memainkan peranan besar sehingga penubuhannya ialah anak Malaysia.

Bagi mereka yang lahir selepas penubuhan IDB atau yang sudah lupa sejarah 30 tahun lalu, ada baiknya kita menoleh ke belakang dan mengenang kembali jasa dan peranan Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra dalam penubuhan organisasi kewangan itu.

Antara agenda awal Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) pada tahun 60-an ialah mewujudkan bank Islam serta sebuah bank Islam antarabangsa Islam untuk urusan perdagangan sesama negara Islam.

Di sebalik pelbagai cadangan dan kertas kerja dibentang dan dibincangkan, namun tidak banyak kemajuan yang dicapai.

Bagaimanapun, Tunku yang ketika itu memegang jawatan Setiausaha Agung OIC tidak membiarkan harapan dan aspirasi negara Islam itu terkubur begitu saja.

Almarhum Tunku merangka dan memperkemas cadangan yang dibuat sehingga tercetuslah idea penubuhan IDB pada 1972.

Matlamat utama IDB ialah mengalirkan modal daripada negara pengeluar minyak yang mencari pelaburan selamat dan menguntungkan bagi membangunkan projek di negara Islam lain.

Pada 21 Julai 1973, Tunku membentangkan kertas cadangan penubuhan IDB yang dihasilkan Malaysia pada satu mesyuarat yang dihadiri Bahrain, Libya, Maghribi, Oman, Qatar, Arab Saudi dan Emiriyah Arab Bersatu (UAE).

Kertas cadangan itu diterima, seterusnya dibawa ke peringkat Persidangan

Menteri-Menteri Kewangan Islam untuk diputuskan.

Lima bulan selepas itu, Persidangan Menteri-Menteri Kewangan Islam di Jeddah memberi persetujuan dan mengeluarkan kenyataan mengenai penubuhan IDB.

Dari situ bermulalah tugas besar Almarhum Tunku yang dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemandu yang bertanggungjawab menyediakan struktur organisasi, draf perjanjian, prosedur lembaga pengarah serta semua perkara berkaitan pentadbiran IDB.

Selepas setahun bertungkus-lumus, akhirnya pada 23 April 1975, perjanjian penubuhan IDB dimeterai. Ia dilancarkan secara rasmi pada 20 Oktober 1975.

Kini sejarah berulang. IFSB yang akan bertapak di negara ini adalah satu pencapaian penuh bermakna bagi negara Islam, khususnya dalam bidang industri kewangan.

Pakatan di antara bank pusat negara Islam serta badan penguasa kewangan Islam dalam IFSB bakal mengeluarkan piawaian bagi amalan perbankan terbaik, seterusnya menyumbang kepada keyakinan dan kewibawaan sistem kewangan Islam di peringkat global.

Seluruh umat Islam perlu turut berasa bangga dengan penubuhan IFSB kerana kini sistem perbankan dan kewangan Islam mempunyai badan piawaian sendiri dan tidak lagi perlu merujuk kepada orang lain dalam mencari amalan perbankan terbaik.

IFSB juga mencerminkan perpaduan negara Islam dalam perkara sejangat yang boleh dikongsi bersama untuk meningkatkan syiar Islam ke tahap lebih tinggi dan dihormati.

Sejak peristiwa 11 September dan pengeboman di Bali, kita dapat lihat bagaimana mudahnya dunia menuding jari kepada umat Islam dengan persepsi yang begitu negatif tanpa langsung ada rasa hormat.

Semoga dengan lahirnya badan seperti IFSB, dunia akan lebih sedar bahawa umat Islam sebenarnya tidak pasif tetapi turut membangun dengan perkembangan semasa.

Umat Islam juga mempunyai kemampuan dan kebolehan untuk maju dan menyahut tuntutan semasa mengikut lunas Islam yang sememangnya lebih sempurna daripada sistem dan amalan rekaan manusia.

Peranan Malaysia dalam penubuhan IFSB sebenarnya bukan setakat menjadi ibu pejabat sekretariatnya.

Sama seperti sejarah IDB, idea asal untuk IFSB tidak tercetus di bumi Malaysia tetapi di Bahrain pada Februari 2000, dan ia seterusnya dibincang dengan lebih terperinci pada satu mesyuarat anjuran IMF di Prague, Republik Czech pada 23 September 2000.

Antara resolusi pada mesyuarat itu ialah perlunya satu badan bebas ditubuh untuk menyeragamkan amalan dan operasi perbankan di kalangan institusi kewangan Islam di seluruh dunia yang agak ketara berlaku perbezaan.

Walaupun pada asalnya IMF yang menggerakkan inisiatif untuk penubuhan IFSB, kemahuan dan komitmen tinggi gabenor bank pusat dari negara Islam seperti Bahrain, Iran, Malaysia dan Sudan di samping IDB dan AAOIFI jelas menjadi penjana kepada proses seterusnya.

Sepanjang tahun lalu, beberapa siri mesyuarat dan perbincangan diadakan dan semuanya membabitkan Malaysia secara aktif.

Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz yang dilantik sebagai Gabenor Bank Negara (BNM) pada Mei 2000 memberikan komitmen tinggi dalam usaha itu dan agenda untuk melihat IFSB menjadi kenyataan adalah salah satu daripada fokus utamanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang sentiasa memberikan sokongan padu dalam membangunkan sistem perbankan dan kewangan Islam turut memberi perhatian kepada usaha penubuhan IFSB.

Berikutan kewibawaan Zeti dalam industri perbankan dan kewangan dunia, di samping kesungguhan keyakinan negara Islam lain terhadap kemampuan Malaysia, maka pada April 2002, IMF mengumumkan pemilihan negara ini sebagai ibu pejabat IFSB dan pelantikan Zeti sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemandu untuk melancarkan penubuhannya.

Biarpun tiada banyak kenyataan yang dibuat selepas kenyataan IMF itu tetapi usaha ke arah penubuhan IFSB berjalan begitu lancar.

Zeti hanya mengambil masa enam bulan untuk merealisasikan penubuhan IFSB. Ini adalah satu rekod kerana bukan sesuatu yang mudah untuk mewujudkan sebuah badan antarabangsa yang statusnya sama seperti IDB, IMF mahupun Bank Dunia dalam masa sesingkat itu.

Dalam tempoh enam bulan semuanya berjalan begitu lancar. Akta IFSB lulus di Parlimen. Persetujuan juga dicapai daripada gabenor bank pusat Kuwait, UAE, Arab Saudi, Indonesia, Iran, Sudan, Pakistan, Bahrain dan Lubnan untuk menandatangani penubuhan IFSB, Ahad ini di Kuala Lumpur.

Pastinya Zeti menghadapi pelbagai masalah ketika berdepan dengan rakan sejawatnya dari negara terbabit kerana sudah diketahui umum bukannya mudah untuk mendapat persetujuan mereka selagi mereka tidak berpuas hati.

Namun, walau apapun masalah yang ditempuh Almarhum Tunku dan Zeti dalam usaha masing-masing mewujudkan dua organisasi penting bagi pembangunan Islam itu, seluruh rakyat Malaysia, khususnya yang beragama Islam, sepatutnya berbangga dengan kejayaan anak watan di persada dunia yang sekali gus adalah satu pengiktirafan terhadap kepemimpinan Malaysia dalam sektor perbankan dan kewangan Islam.

* Sheikh Muttaqun adalah seorang perunding perbankan tempatan.